



GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM

COVID-19

Edisi 2020



GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM COVID-19

Disediakan dengan kerjasama:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP)

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Edisi 2020

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
1. Perutusan YB Menteri di JPM	3
2. Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM	5
3. Tujuan	7
4. Latar belakang	8
5. Penghargaan	10
6. Langkah / Prosedur	12
7. Rujukan	18

PERUTUSAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Alhamdulillah, puji dan syukur kepada llahi atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda SAW hingga ke hari kesudahan.

Sebagai orang yang beriman, kita meyakini bahawa segala sesuatu yang berlaku baik atau buruk ke atas manusia adalah atas iradah dan izin Allah SWT juga sebagai suatu ujian dari-Nya kepada kita. Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Baqarah ayat 155 yang bermaksud: *Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.* Virus COVID-19 ialah sebahagian ujian daripada Allah SWT kepada kita.

Saya memandang serius tentang wabak virus COVID-19 yang mula melanda negara ini pada penghujung Januari 2020 yang lalu. Virus ini amat berbahaya kepada manusia kerana sifatnya yang mudah tersebar, merebak dan berjangkit jika tidak dikawal dan dibendung dengan cara yang betul. Apa yang membimbangkan ialah apabila seseorang disahkan positif COVID-19, dia akan mengalami beberapa komplikasi seperti pneumonia, Sindrom Penyakit Pernafasan Akut (ARDS), masalah buah pinggang dan sepsis (jangkitan darah). Akhirnya ia boleh mengundang kematian.

Oleh yang demikian, setiap pihak harus sentiasa bersiap siaga dengan persiapan yang rapi dan tersusun bagi menghadapi situasi ini. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya Garis panduan ini dapat diterbitkan tepat pada masanya. Semoga Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19 ini menjadi rujukan dan panduan yang berguna kepada para petugas dan pengendali jenazah COVID-19 di seluruh negara agar dapat melaksanakan tugas dengan sempurna menepati

kehendak syarak dan mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) pihak berkuasa yang berkenaan.

Saya amat berterima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Paimuzi Yahya, Ketua Pengarah JAKIM yang telah mengambil inisiatif mewujudkan Garis panduan yang amat berguna ini bersama rakan-rakan strategik. Terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada rakan-rakan strategik yang lain atas kerjasama yang diberikan, khususnya kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Sohibussamahah Tuan Haji Mohd. Ansarullah bin Mohd. Hashim, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan dan Yang Berusaha Tuan Haji Mohd. Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Ucapan dan penghargaan yang sama saya tujukan kepada semua individu yang terlibat menghasilkan Garis panduan ini. Semoga jasa baik anda semua diganjarkan pahala oleh Allah SWT dengan ganjaran yang setimpal.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

**YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

Alhamdulillah, segala puji-pujian dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang mentadbir alam semesta ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sekalian para sahabatnya.

Penerbitan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19 adalah sebagai tanda kebersamaan JAKIM menyahut kesungguhan dan komitmen YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam membantu dan memberikan khidmat bakti kepada umat Islam di saat negara sedang dilanda wabak COVID-19. Idea inisiatif penghasilan Garis panduan ini juga bertitik tolak daripada ketetapan Resolusi Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia yang bersidang pada 15 Mac 2020 yang lalu mengenai kaedah pengurusan jenazah orang Islam yang dijangkiti virus COVID-19.

Tujuan utama Garis Panduan ini ialah sebagai dokumen rujukan rasmi dan panduan kepada petugas dan pengendali jenazah khasnya dan umat Islam amnya mengenai tatacara dan prosedur pengurusan jenazah orang Islam yang meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19. Garis panduan ini penting kerana prosedur dan tatacara yang dikemukakan ialah hasil daripada perbincangan yang mendalam dari sudut syarak dan pakar kesihatan serta kawalan penyakit berjangkit daripada JAKIM, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, JAWI dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Harapan kami semoga dengan adanya Garis panduan ini, maka tatacara dan prosedur pengurusan jenazah orang Islam yang meninggal akibat jangkitan COVID-19 diuruskan dengan penuh penghormatan, kasih sayang dan kemuliaan. Perkara yang paling penting ialah ianya menepati kehendak syarak dan selaras dengan dasar dan ketetapan serta prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bermula daripada awal prosedur di bilik forensik hingga ke tanah perkuburan untuk pengkebumian.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai JAKIM dan pegawai-pegawai daripada rakan-rakan strategik kami daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, doktor pakar daripada Hospital Serdang, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Tanpa usaha gigih anda semua pasti Garis panduan ini tidak akan menjadi realiti. Saya berdoa kepada Allah SWT semoga anda semua dikurniakan balasan pahala yang setimpal atas penat lelah yang dicurahkan. Semoga ianya menjadi amal jariah yang berkekalan di hari kemudian untuk kita semua.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

DATO' PAIMUZI BIN YAHYA
KETUA PENGARAH JAKIM

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai suatu dokumen rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat mengendalikan pengurusan jenazah orang Islam COVID-19 agar menepati kehendak syarak dengan mengambilkira pandangan pakar dan ketetapan polisi dan dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta selaras dengan ketetapan Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 15 Mac 2020 mengenai Hukum Hakam Semasa berkaitan COVID-19.

Garis Panduan ini juga bertujuan untuk memberi kefahaman dan pendidikan kepada umat Islam mengenai kaedah dan tatacara pengurusan jenazah yang betul dari segi syarak. Ia menggariskan kaedah pengurusan yang betul ketika kaedaan jenazah di luar kebiasaan khususnya dalam keadaan darurat yang bersanggatan. Garis panduan ini sekaligus dapat mengelak kekeliruan yang mungkin timbul dalam kalangan umat Islam berikutan pengurusan jenazah yang di luar daripada kebiasaan.

Garis Panduan ini tidak menafikan usaha dan kesahihan garis panduan lain yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri selagimana ia menepati kehendak syarak dan memenuhi ketetapan resolusi Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI. Apa yang penting, keselarasan juga perlu selari dengan ketetapan serta dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sedang berkuatkuasa.

LATAR BELAKANG

Kes jangkitan virus COVID-19 buat pertama kali berlaku di Malaysia ialah pada 25 Januari 2020 sepetimana yang telah disahkan oleh KKM. Ia melibatkan tiga individu yang telah disahkan positif COVID-19. Semenjak itu, jumlah kes jangkitan virus ini semakin meningkat dari sehari ke sehari. Kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh KKM menyebutkan bahawa sehingga 27 Mac 2020 pukul 12 tengah hari, jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 2,161 kes. Keadaan ini semakin membimbangkan apabila pengidap kes COVID-19 ini telah membawa kepada kematian pertama yang berlaku di Sarawak pada 17 Mac 2020 sepetimana yang disahkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak. Sehingga kini (27 Mac 2020) jumlah kematian telah meningkat kepada 26 kes. Kes kematian ini turut melibatkan orang Islam yang perlu diuruskan dengan cara yang betul dan memenuhi kehendak syarak.

Keadaan yang kritikal ini telah mendapat perhatian yang serius oleh pihak kerajaan sepetimana yang disuarakan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Beliau telah meminta supaya Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) diadakan bagi membincangkan beberapa isu yang berkaitan kepentingan umat Islam khasnya kesan daripada virus COVID-19 ini. Antara perkara yang dibincang dan diputuskan melalui Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI yang bersidang pada 15 Mac 2020 tersebut ialah mengenai pengurusan jenazah muslim COVID-19. Resolusi Muzakarah ini menetapkan bahawa :

“Dalam keadaan sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-107 yang bersidang pada 10-11 Februari 2015 mengenai hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Disease: EVD) di Malaysia, iaitu pengecualian dan kelonggaran (rukhsah) sekiranya terdapat keadaan-

keadaan yang boleh menimbulkan kemudaratannya kepada nyawa manusia yang menguruskan jenazah tersebut. Dalam hal ini dibolehkan jenazah itu diuruskan melalui prosedur tayammum yang paling ringan risiko dan kesan bahayanya seperti melakukan tayamum hanya di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastic yang membalut jenazah tersebut sahaja”

Bagi menyahut seruan dan merealisasikan keputusan tersebut, Jabatan Kamajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 22 Mac 2020 telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pengurusan Jenazah COVID-19 bagi membantu menguruskan jenazah pesakit COVID-19 yang beragama Islam. Pasukan yang ditubuhkan sejak wabak ini melanda negara telah diberi penjelasan dan penerangan mengenai kaedah pengurusan jenazah berpandukan pandangan hukum yang diputuskan oleh Muzakarah Khas MKI tersebut. Ia melibatkan seramai 34 orang petugas yang terdiri daripada petugas lelaki dan wanita yang terdiri daripada pegawai JAKIM dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Jumlah petugas ini akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Berikutan itu suatu garis panduan perlu diwujudkan untuk dijadikan sebagai suatu dokumen rujukan dan panduan kepada para petugas pengurusan jenazah orang Islam COVID-19 di seluruh negara. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dengan kerjasama rakan-rakan strategik telah bersama-sama merangka dan menyediakan garis panduan ini berpandukan kepada ketetapan resolusi Muzakarah Khas MKI, ketetapan garis panduan pengendalian jenazah, pandangan pakar-pakar kesihatan dan kawalan penyakit berjangkit daripada KKM.

Penyediaan garis panduan adalah hasil kerjasama daripada JAKIM, PMWP, KKM dan JAWI. Garis panduan ini dinamakan sebagai “**GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM COVID-19**”.

PENGHARGAAN

Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pegawai dan wakil-wakil kementerian dan jabatan yang terlibat merangka dan menyiapkan garis panduan ini. Pegawai dan wakil kementerian dan jabatan yang dimaksudkan ialah seperti mana berikut:

A. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM):

1. Dato' Dr. Sirajuddin Bin Suhaimee
Pengarah Bahagian Penyelidikan
Bahagian Penyelidikan
2. Dr. Abdul Ghaffar bin Surip
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penyelidikan
3. Kamarul Saman bin Yaacub
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dakwah
4. Muhammad Afif bin Jamal
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
Masjid Negara
5. Rafidah binti Salleh
Penerbit Rancangan TV
Bahagian Penyiaran

B. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

1. Dr. Khebir bin Verasahib
Timbalan Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
2. Dr. Suriana Aishah binti Zainal
Bahagian Perkembangan Perubatan
3. Dr. Anis Syazli binti Razali
Bahagian Perkembangan Perubatan

4. Mohd. Rizal bin Risuli
Sektor Inspektorat dan Perundangan
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

C. Hospital/Pusat Perubatan

1. Dr. Khairul Anuar bin Zainun
Pakar Perubatan Forensik
Hospital Serdang
2. Wan Azman bin Wan Ali
Jabatan Forensik
Hospital Serdang

D. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP)

1. SS Haji Mohd. Ansarullah bin Mohd. Hashim
Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan
2. Ridzuan bin Awang
Ketua Penolong Mufti
Bahagian Fatwa
3. Dr. Mohd. Aizam bin Mas'od
Ketua Unit Buhuth
4. Muhammad Multazam bin Mohd Yazid
Pegawai Hal Ehwal Islam

E. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

1. Siti Razmah binti Idris
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dakwah
2. Mohammad Fauzi bin Abu Seman
Bahagian Dakwah
3. Muhammad Syafiq bin Mohd Zaropi
Bahagian Dakwah

LANGKAH / PROSEDUR

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
PRA PENGURUSAN JENAZAH			
1.	Mengesahkan kematian kes COVID-19	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN
2.	Memaklumkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> I. Jabatan Perubatan Forensik (JPF)/MORTUARI II. Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran (PPKP) III. Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) IV. Waris 	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN
3.	Membuat pengecaman jenazah	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN WARIS

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
4.	Mengeluarkan permit pengkebumian	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN
PENGURUSAN JENAZAH			
1.	<p>Menyediakan peralatan keperluan pengurusan jenazah termasuk <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE) yang merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Sarung tangan getah II. Apron plastik III. Pelindung Mata IV. <i>Mask</i> V. <i>Boot</i> getah VI. <i>Body Bag</i> VII. 2 helai kertas A4 untuk meletak debu tanah Tayamum VIII. Debu Tayamum secukupnya 	WAJIB	HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN JAIN/MAIN

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
2.	<p>Mengurus jenazah:</p> <p>I. Membalut jenazah:</p> <p>Lapisan pertama: Linen putih</p> <p>Lapisan kedua: <i>Body bag</i> 1 pertama</p> <p>Lapisan ketiga: <i>Body bag</i> 2 kedua</p> <p>Semburan nyah kuman bagi lapisan ketiga</p> <p>Tayamum Jenazah:</p> <p>II. Tayamum dilakukan ke atas jenazah yang telah dibungkus dengan lapisan ketiga.</p> <p>III. Proses Tayamum dilakukan mengikut hukum syarak:</p> <p>1) Petugas perlu dalam keadaan berwuduk dan lengkap berpakaian seperti prosedur yang ditetapkan oleh KKM.</p> <p>2) Meletakkan debu tayamum pada 2 helai Kertas A4 yang berasingan.</p>	<p>WAJIB</p> <p>WAJIB</p>	<p>HOSPITAL/PUSAT PERUBATAN</p> <p>JAIN/MAIN 3 orang petugas: 1 Petugas Tayamum 2 Petugas Solat Jenazah</p> <p>Petugas Tayamum mengikut jantina jenazah</p>

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
	<p>3) Petugas Tayamum perlu memastikan kedua-dua belah tapak tangan yang bersarung berkeadaan bersih.</p> <p>4) Lekapkan kedua-dua tapak tangan ke atas permukaan Debu Tayamum 1 (Kertas A4 Pertama).</p> <p>5) Tipiskan debu tayamum yang terdapat di tapak tangan.</p> <p>6) Niat tayamum ke atas jenazah.</p> <p>7) Sapukan kedua-dua tapak tangan ke bahagian muka jenazah.</p> <p>8) Membersihkan baki debu yang berada di tapak tangan.</p> <p>9) Lekapkan kedua-dua tapak tangan ke atas permukaan Debu Tayamum 2 (Kertas A4 Kedua).</p> <p>10) Mulakan sapuan tangan kanan petugas ke atas tangan kanan jenazah, bermula dari hujung jari hingga ke siku.</p> <p>11) Diikuti sapuan tangan kiri petugas ke atas tangan kiri jenazah, bermula dari hujung jari hingga ke siku.</p>		

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
3.	Mencium/memeluk jenazah	TIDAK DIBENARKAN	SEMUA
4.	<p>Menunaikan Solat Jenazah:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Solat jenazah HANYA dilaksanakan di ruang yang telah ditetapkan hospital. II. Hanya 2 orang petugas sahaja yang dibenarkan. III. Jarak kedudukan di antara imam dan jenazah adalah 1 meter, manakala jarak di antara imam dan makmum juga adalah 1 meter. 	WAJIB	<p>JAIN/MAIN Petugas Tayamum tidak dibenarkan solat jenazah</p>
PENGKEBUMIAN JENAZAH			
1.	<p>Mengkebumikan jenazah:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Tidak melebihi 4 orang (termasuk waris) yang BUKAN dalam kalangan: <ul style="list-style-type: none"> 1) Kontak rapat kepada kes positif COVID-19. 	WAJIB	<p>PKD/PPKP JAIN/MAIN WARIS</p> <p>*Pengkebumian dilaksanakan oleh waris/pihak yang menuntut dengan penerangan dan</p>

BIL.	LANGKAH / PROSEDUR	KEPERLUAN	TINDAKAN
	<p>2) Orang yang disyaki COVID-19.</p> <p>3) Orang yang bergejala COVID-19.</p> <p>II. Semua petugas dan waris perlu berpakaian lengkap dengan PPE yang disediakan dan ditetapkan oleh KKM.</p>		pemantauan PKD/PPKP dari awal sehingga selesai.
2.	Menyelia pengkebumian jenazah	WAJIB	PKD/PPKP JAIN/MAIN
3.	<p>Membersihkan diri:</p> <p>Semua petugas dan waris perlu membersihkan diri mengikut garis panduan KKM</p>	WAJIB	PKD/PPKP JAIN/MAIN WARIS

Nota ringkas:

- | | |
|--------------------------------------|--|
| I. JAIN: Jabatan Agama Islam Negeri | II. MAIN: Majlis Agama Islam Negeri |
| III. PKD: Pejabat Kesihatan Daerah | V. PPKP: Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran |
| IV. JPF : Jabatan Perubatan Forensik | |

RUJUKAN

1. Resolusi Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 15 Mac 2020
2. Annexe 20 : Guidelines COVID-19 Management in Malaysia No.05/2020 (Edisi Kelima) – Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Kompilasi Bayan linnas PMWP Mengenai Isu COVID-19 – Pejabat Mufti WP
4. https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19_di_Malaysia
5. <https://www.reuters.com/article/china-health-malaysia/malaysia-confirms-first-cases-of-coronavirus-infection-idUSL4N29U03A>
6. <https://www.garda.com/crisis24/news-alerts/308496/malaysia-first-cases-of-2019-ncov-confirmed-january-25>
7. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/667986/jakim-tubuh-pasukan-khas-bantu-uruskan-jenazah-mangsa-covid-19>